

Ai



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 12

JUN 2024

BULETIN APB

e-ISSN: 2682-7948

*Social Media
in Teaching and Learning*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



TikTok: Penggunaan Kreatif Dari Sudut Pembelajaran Kinia

DR. SITI HAJAR ALIAS &
PM CHM TS DR. SHEIKH AHMAD IZADDIN SHEIKH AHMAD GHAZALI
UiTM KAMPUS KUALA PILAH




Media sosial telah memainkan peranan yang penting dalam mengubah lanskap sosial dan budaya di seluruh dunia. Dalam beberapa tahun terakhir, kemunculan platform-platform ini telah mengubah cara kita berinteraksi, berkomunikasi, dan memperoleh informasi. Melalui platform seperti Facebook hingga Twitter, Instagram, dan platform-platform yang semakin popular seperti TikTok, media sosial telah merevolusi cara kita berhubung antara satu sama lain, mengubah lanskap budaya, politik, pendidikan dan sosial secara fundamental. Mengikut kajian yang dilakukan oleh pengkaji media sosial, TikTok amat digemari terutama dalam kalangan remaja pada masa kini dan menjadi aplikasi kedua popular setelah Whatsapp. Aplikasi ini menjadi popular sewaktu pandemik Covid-19 melanda di seluruh negara termasuk Malaysia. TikTok menjadi sangat popular dengan mencatat rekod penggunaan melebihi daripada 3 bilion orang yang telah memuat turun aplikasi tersebut di seluruh dunia setakat 2022 (Zulkifli et al., 2022).

Aplikasi TikTok ialah aplikasi untuk mencipta dan berkongsi pelbagai video pendek dalam format menegak, yang dimainkan dengan hanya menggerakkan tetapak paparan ke bawah atau ke atas atau dari kiri ke kanan (dan sebaliknya) pada skrin komputer. Aplikasi TikTok mempunyai beberapa fitur-fitur yang menarik seperti kesan istimewa, kesan bunyi serta mempunyai lagu-lagu yang unik dan menarik yang dapat digunakan oleh penggunanya dengan mudah.

Trend penggunaan TikTok bermula dari video tutorial, sehingga video *challenge*, bahkan ianya juga sangat meluas digunakan untuk pemasaran suatu produk (Zulkifli et al., 2022). Terkini, melalui TikTok, terdapat pengguna yang dapat menjana pendapatan ribuan ringgit.

Gambar 1
Icon aplikasi TikTok



Aplikasi TikTok memuatkan video pendek disertakan dengan muzik untuk membolehkan seseorang berkongsi pelbagai maklumat seperti masakan, pembelajaran, ilmu-ilmu agama dan banyak lagi. Video berdurasi pendek yang diringi dengan pelbagai muzik dan latar belakang yang menarik ini menjadikan pengguna tidak bosan menggunakan aplikasi ini. Hal ini akan memberikan impak yang positif kepada pengguna TikTok yang mengambil manfaat dan ilmu daripadanya (Zulkifli. et al., 2022 & Shah. et al., 2023).

Kini, banyak kajian empirikal telah dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan TikTok dalam konteks pendidikan (Zulkifli. et al., 2022).

Antara mata pelajaran yang menggunakan TikTok di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran termasuklah kursus-kursus Sains seperti Kimia, Fizik dan Sains Sukan serta kursus bahasa Inggeris yang lebih memfokuskan kepada kemahiran menulis dan mendengar.

Sehingga kini, salah satu cabang ilmu Sains, iaitu mata pelajaran Kimia masih dianggap sukar dan membosankan. Kimia merupakan salah satu mata pelajaran yang bersifat abstrak sehingga pelajar sering mengalami kesukaran untuk memahami konsep ilmu yang berkaitan. Hal ini menyebabkan pelajar menjadi pasif dan tidak menggemari mata pelajaran tersebut.

Namun, dengan kewujudan pelbagai video rujukan yang tersedia seperti Tychence, Mrs. Walsh, ChemistryTutor123, TeacherHafizahNHH, Chegg Chemistry dan Franklin Chemistry yang mempamerkan video-video kreatif dan interaktif, ia telah berjaya menarik minat pelajar dan menjadikan mata pelajaran tersebut kini lebih menyeronokkan. Hal ini dibuktikan melalui salah satu video yang mencatatkan jumlah tontonan yang sangat ramai, iaitu sehingga 8,500 tontonan (Zulkifli. et al., 2022).


Ternyata, penggunaan aplikasi TikTok di dalam bidang pendidikan dipercayai membantu meningkatkan pengetahuan pelajar kerana ia memudahkan proses penyampaian ilmu yang berkesan. Secara amnya, banyak maklum balas positif diterima mengenai penggunaan TikTok di dalam bidang pendidikan.

Selain itu, aplikasi ini dapat melahirkan pelajar atau guru yang kreatif dalam menyampaikan pembelajaran dan perkongsian mereka kepada orang ramai. Tambahan pula, menerusi aplikasi ini, remaja pada masa kini dapat meningkatkan populariti dan keyakinan diri melalui video yang dikongsikan.

TikTok juga membolehkan pelajar berkomunikasi dengan rakan sebaya dan pakar dalam rangkaian dan potensinya untuk mendapat tontonan dari khalayak ramai terutamanya mempengaruhi pelajar untuk menggunakan media sosial dalam pembelajaran (Shah. et al., 2023). Oleh itu, penggunaan TikTok diharapkan dapat meningkatkan perkongsian ilmu dalam kalangan pelajar, yang boleh membawa kepada peningkatan prestasi pembelajaran. Pada masa hadapan, pendidik di sekolah rendah dan menengah serta pendidikan tinggi boleh mempertimbangkan untuk menggabungkan TikTok dalam pengajaran dan pembelajaran.

Gambar 2

Contoh video pendek TikTok yang dihasilkan oleh Chegg Chemistry, Franklin Chemistry dan Tychence.



Menariknya, aplikasi ini menggabungkan beberapa aplikasi lain yang boleh digunakan oleh pengguna dalam mengedit video seperti Canva, Capcut, dan lain-lain. Pelbagai templat telah disediakan dan pengguna hanya perlu mengubahsui templat sedia ada mengikut kreativiti masing-masing. Pengguna boleh menyertakan teks, animasi, muzik, pelekat dan banyak lagi untuk menjadikan sesebuah video itu lebih menarik. Walaupun video TikTok berdurasi selama 15 saat, pengguna boleh menggabungkan beberapa klip video untuk menjadikannya 60 saat atau lebih dengan menggunakan aplikasi lain seperti Canva bagi menyediakan lebih banyak kandungan pembelajaran.



Secara kesimpulannya, penggunaan TikTok sebagai medium pembelajaran interaktif ini diharapkan dapat meningkatkan perkongsian ilmu dalam kalangan pelajar dan boleh meningkatkan prestasi pembelajaran. Penggunaan aplikasi ini di dalam pembelajaran Kimia dapat menarik minat pelajar dan menjadikan mata pelajaran tersebut lebih interaktif. Ia juga adalah selari dengan Dasar Pendidikan Negara yang mahu melahirkan pelajar STEM (*Science, Technology, Engineering, and Mathematics*) yang kreatif, bijak dan berpengetahuan mengikut prinsip-prinsip MADANI itu sendiri.

Rujukan

- Shah, H. A. B. A., Nor, H. A. B. M., Zainal, N. A. B., & Hassan, S. N. B. S. (2023). Pengaruh Aplikasi Tiktok terhadap Kehidupan Sosial Remaja menurut Perspektif Islam.
- Zulkifli, N. N., Letchumanan, M., Kamarudin, S., Abd Halim, N. D & Hashim, S. (2022). A Review: The Effectiveness of Using TikTok in Teaching and Learning. *In Proceedings of the 30th International Conference on Computers in Education (ICCE), Malasia: Asia-Pacific Society for Computers in Education (pp. 292-297).*